

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KAWAD KAKI PERHIMPUNAN KEBANGSAAN SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM (SISPA)

1. Penyertaan

- 1.1 Penyertaan adalah terbuka kepada Pegawai Kadet SISPA.
- 1.2 Hanya **satu (1) pasukan sahaja** dibenarkan untuk mewakili setiap kontijen bagi pertandingan ini.
- 1.3 Penyertaan pasukan tidak mengira nisbah komposisi jantina. (**BOLEH jantina tunggal atau; campuran**)

2. Pendaftaran

- 2.1 Anggota pasukan dan Ketua Platun mestilah terdiri daripada pelajar-pelajar yang menuntut diantara **Semester 1 hingga semester akhir, dan merupakan penuntut di IPTA/IPTS** dan tidak terlibat dengan pentauliahan pada tahun yang sama.
- 2.2 Jumlah anggota bagi sesebuah pasukan yang didaftarkan ialah seramai 31 orang termasuk Ketua Platun.

3. Pakaian

- 3.1 Pakaian sepanjang pertandingan adalah **pakaian seragam no.4**. Tiada markah tanpa pakaian seragam no.4. Aksesori yang diwajibkan adalah :-
 - i. Jambul
 - ii. Tali Pinggang dan Selempang Putih
 - iii. Angklet
 - iv. Sarung Tangan Putih
- 3.2 **Markah akan di tolak bagi aksesori yang terjatuh atau tertanggal** semasa pertandingan dijalankan.
- 3.3 **Pertukaran anggota bertanding TIDAK BOLEH dilakukan selepas pemeriksaan pakaian dilakukan**, kecuali mendapat kebenaran ketua hakim.

4. Padang Kawad

- 4.1 Keluasan padang pertandingan adalah **30 langkah x 54 langkah (1 langkah= 30 inci)**
- 4.2 Satu (1) penanda akan diletakkan sebagai penanda sempadan kawasan pertandingan.
- 4.3 Tiang digunakan sebagai tanda untuk memberi arahan.

5. Tempoh Persembahan

- 5.1 Tempoh maksimum persembahan penuh satu pasukan tidak melebihi **15 minit**. Pemberian markah bermula apabila **platun mula memasuki padang pertandingan** sehingga semua anggota keluar dari padang (15 minit). **Persembahan selepas masa 15 minit tidak lagi dinilai.**
- 5.2 Masa Persembahan **bermula apabila Ketua Platun mula melapor.**
- 5.3 Persembahan terbahagi kepada **dua (2) bahagian iaitu Kawad Asas dan Kawad Formasi.**
- 5.4 Persembahan hendaklah merangkumi kedua-dua bahagian tersebut bermula dengan **kawad asas.**
- 5.5 **Peringatan isyarat masa (wisel) akan dibunyikan pada:-**
 - a. Minit ke 13 – satu (1) kali,
 - b. Masa tamat – dua (2) kali.

6. Perlaksanaan Pertandingan

- 6.1 **Bilangan Anggota**
 - a. Setiap pasukan terdiri **31 anggota termasuk Ketua Platun semasa bertanding.**
 - b. Markah ditolak jika anggota platun yang bertanding **kurang daripada 31 orang**. Platun yang kurang anggota **melebihi 3 orang, maka penyertaan pasukan / platun tersebut ditolak.**
 - c. Tiada penggantian anggota ketika pertandingan sedang berjalan. Penggantian hanya boleh dilakukan sebelum pertandingan kawad dijalankan **dengan kebenaran ketua hakim.**
- 6.2 **Pemeriksaan Pakaian**
 - a. Platun hendaklah bersedia untuk pemeriksaan pakaian sebelum melapor.
 - b. Pemeriksaan pakaian berlangsung di luar padang kawad.

6.3 Pergerakan Kawad

Semua pergerakan kawad asas mestilah mematuhi format kawad asas berikut;

- 1) Platun dibawa masuk oleh ketua platun ke padang kawad **dalam 3 barisan**, berjalan dalam masa **cepat jalan melalui laluan masuk** seterusnya **membelok ke kiri selepas T1 dan berhenti di hadapan (ditengah-tengah) ketua hakim.**
- 2) Menghadap ke hadapan
- 3) Buka Barisan
- 4) Kekanan lurus /pandang depan
- 5) Melapor – Ketua Platun berjalan melapor kepada ketua hakim. Semasa ketua platun melapor, platun akan berada dalam keadaan sedia dan buka barisan.
- 6) Ketua platun melapor bagi memulakan pertandingan. Ayat semasa melapor: **Assalamualaikum Tuan Encik/, Pasukan SISPA Unversiti.....sedia untuk diuji, Tuan/Encik!**
- 7) Platun **wajib melakukan pergerakan statik** yang berikut;
 - i. Bergerak **kekiri** - bergerak kekiri bertiga-tiga, kekiri....pusing.
 - ii. Bergerak **kekanan** - bergerak kekanan bertiga-tiga, kebelakang.....pusing.
 - iii. Menghadap **kebelakang** - skuad akan menghadap ke belakang, kekanan.....pusing.
 - iv. Menghadap **ke hadapan** - skuad akan menghadap kehadapan, kebelakang.....pusing
- 8) Tutup Barisan
- 9) Kekanan lurus / pandang depan

- 10) Empat langkah ke kanan
- 11) Gerakkan Platun ke Kiri Platun
- 12) Cepat jalan
- 13) Membelok ke kiri semasa di T2
- 14) Membelok ke kiri semasa di T3
- 15) Tukar langkah semasa berjalan, (3 x)
- 16) Membelok ke kiri semasa di T4
- 17) Membelok ke kiri semasa di T5
- 18) Membelok ke kiri semasa di T6
- 19) Gerakkan Platun mengadap hadapan (mesti melepasi T1-T2)
- 20) Pandang kanan di T8
- 21) Pandang hadapan di T9
- 22) Gerakkan platun ke Kiri Platun (mesti melepasi T2)
- 23) Membelok ke kiri di T3
- 24) Hentak kaki

- 25) Maju
- 26) Membelok ke kiri di T4
- 27) Tukar langkah perlahan.
- 28) Membelok ke kiri di T5
- 29) Membelok ke kiri di T6
- 30) Gerakan platun mengadap ke hadapan Platun” (mesti melepasi T1-T2)
- 31) Buka barisan di T7
- 32) Pandang kanan di T8
- 33) Pandang hadapan di T9
- 34) Tutup barisan di T10
- 35) Gerakkan platun ke kiri (mesti melepasi T2)
- 36) Membelok ke kiri di T3
- 37) Tukar langkah cepat (selepas T3)
- 38) Membelok ke kiri di T4
- 39) Membelok ke kiri sebelum T1
- 40) Hukuman hormat ke hadapan.(sebelum Garisan sempadan pertandingan)

- 41) Hukuman Hormat Selaku terima sijil (sebelum Garisan sempadan pertandingan)
- 42) Hormat ke kanan
- 43) Beri Hukuman “ bergerak ke kanan bertiga-tiga ke belakang pusing”
- 44) Berhenti di tengah-tengah
- 45) Gerakkan platun mengadap hadapan.
- 46) Ketua Platun berjalan menuju ke Platun dan henti
- 47) Kekanan lurus/ pandang depan
- 48) Tamat bahagian kawad Dinamik
- 49) Persediaan kawad formasi
- 50) Senang diri (menandakan bersedia untuk pertunjukan formasi)

Nota:

- a. Semasa kawad asas, tiada suara dari anggota Platun, hanya hukuman ketua Platun sahaja (contohnya anggota platun / platun menyebut kiraan masa kanan / kiri semasa berjalan, adalah TIDAK DIBENARKAN).
- b. Ketua Platun memberi hukuman kawad secara statik.**
- c. Setiap pergerakan yang dilakukan, **sama ada kurang atau tambahan selain daripada yang dinyatakan di atas akan ditolak 5 markah.**
- d. Tidak dibenarkan menggunakan sebarang alatan semasa membuat persembahan.

6.4 Kawad Formasi

- a. Sebaik sahaja **selesai “Senang diri”**, platun akan mempersembahkan kawad formasi mengikut 2 pergerakan yang ditetapkan (Rujuk Lampiran B)
- b. Pergerakan langkah mestilah **tidak terkeluar dari sempadan** padang kawad.
- c. Isyarat permulaan formasi (hentak kaki) dari Ketua Platun dibenarkan. Isyarat-isyarat lain **seperti kata arahan ‘up’ atau “psssst”**, sama ada oleh individu dalam platun atau luar platun **TIDAK BOLEH** digunakan.
- d. Unsur suara yang dibenarkan **BUKAN bertujuan memberi hukuman / arahan kawad** formasi.
- e. Setiap platun dikehendaki mempersembahkan 2 formasi yang berlainan. Rujuk Lampiran B
- f. Pergerakan setiap formasi hendaklah ditamatkan dengan 3 barisan menghadap ke hadapan dan pergerakan kekanan lurus.
- g. Pergerakan hormat (tabik) hanya untuk hormat sahaja iaitu **mengikut prosedur tabik yang sah sahaja dalam disiplin kawad kaki**. Contoh seperti tabik sambil melompat atau dengan sebelah kaki atau seumpamanya tidak dibenarkan sama sekali.
- h. **Penalti** dikenakan untuk kesalahan seperti berikut;
 - **Platun terkeluar dari kawasan pertandingan.**
 - **Memberi isyarat yang tidak dibenarkan.**

6.5 Melapor Keluar

- a. Ketua Platun dikehendaki melapor keluar padang kawad.
(Assalamualaikum Encik/Tuan, kebenaran menjalankan tugas lain..... Tuan /Encik).

6.6 Penghakiman

- a. Ketua Hakim terdiri daripada **Pegawai PULAPA Wilayah Timur** yang dilantik.
- b. Hakim terdiri daripada **Pegawai Waran Jabatan atau Pegawai Setara** yang dilantik.

- c. Sekiranya berlaku persamaan markah diantara pasukan yang bertanding, **markah kawad Statik akan menjadi pemberat.** Jika markahnya sama juga, **markah kawad Dinamik akan menjadi pemberat.** Sekiranya masih sama, **markah Formasi akan diambil kira.**
- d. Peratusan pengiraan markah keseluruhan pasukan adalah seperti berikut;
- | | | |
|------------------------------------|---|-----|
| (i) Persediaan (pakaian) | - | 10% |
| (ii) Kawad Asas (statik + dinamik) | - | 50% |
| (iii) Kawad Formasi | - | 30% |
| (iv) Ketua Platun | - | 10% |
- e. Keputusan Hakim adalah **muktamad.** Sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.

6.7 **Pemarkahan Ketua Platun**

- a. Sekiranya berlaku persamaan markah di antara Ketua Platun, maka markah kawad (bahasa hukuman dan pergerakan kawad) hendaklah diambil kira.
- b. Keputusan Hakim adalah **muktamad.** Sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.

SYARAT PERTANDINGAN KAWAD KAKI TAMAT

Istilah

Pasukan = Pasukan kor SISPA yang bertanding dalam kemahiran kawad kaki ini.

Sejarah semakan


[Klik untuk sejarah revisi.](#)

Senarai lampiran


Lampiran A = Plan Litar (kawad statik & dinamik)
Lampiran B = Plan Litar & Arahan (kawad formasi)

i. Plan Litar (kawad statik & dinamik)
Pertandingan Kawad Kaki Perhimpunan Kebangsaan Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) 2014 UKM

LAMPIRAN A




FORMASI 1 (Hormat Ke Hadapan Hormat)



- a) No 5 di kanan platun, A, 4 langkah ke kiri gerak (Platun dibahagi kepada dua: A & B)
- b) Ke dalam lurus, pandang depan, senang diri. KP ambil kedudukan di tengah barisan
- c) KP berteriak 'UP' barisan semua dalam kedudukan SEDIA
- d) BT, kanan & kiri pusing, BB, ke belakang pusing
- e) Barisan bergerak 14 langkah 2 henti mengikut arah masing- masing.
- f) Pergerakan hormat ke hadapan hormat (bergerak 14 langkah)
- g) Pergerakan ke belakang pusing, ulang langkah di para E hingga F
- h) Barisan henti.
- i) BH , belakang pusing, BT, kanan dan kiri pusing (Kembali ke kedudukan asal)

FORMASI 2 (Hormat selaku terima siji)



a) Statik

- i. **BH (A) & BB (A)** , Pusing kanan;
 - ii. **BH (B) & BB (B)** , Pusing kiri;
 - iii. **BT** Kanan & Kiri pusing;
- } **BH & BB** menghadap KP, **BT** membelakangi KP

b) Dinamik

- i. **BH (A)** , terus bergerak 135° ke kiri
- ii. **BB (A)** , terus bergerak 135° ke kanan
- iii. **BH (B)** , terus bergerak 135° ke kanan
- iv. **BB (B)** , terus bergerak 135° ke kiri

c) Barisan bergerak 14 langkah dan membuat pergerakan hormat selaku terima sijil

d) Bergerak 14 langkah dan membuat pergerakan ke belakang pusing

e) Ulangi langkah para (C)

f) Bergerak 14 langkah dan henti (Pada kedudukan asal)

g) BH (A), BT (B) & BB (A) Kanan pusing

h) BH (B), BT (A) & BB (B) Kiri pusing

i) Jadikan 3 barisan

j) Melapor keluar padang kawad.(Assalamualaikum Encik/Tuan, kebenaran menjalankan tugas lain..... Tuan /Encik).